

Negeri Sembilan sasar maju 2045

Negeri di landasan tepat menerusi PIPENS yang komprehensif, berdaya maju

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Negeri Sembilan berada pada landasan tepat untuk mencapai status Negeri Maju menjelang 2045 menerusi Pelan Induk Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan (PIPENS) yang komprehensif dan berdaya maju.

Ini diakui sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan melahirkan keyakinan bahawa pembangunan Projek Katalis MVV 2.0, yang terkandung dalam pelan berkenaan adalah bertepatan dengan usaha kerajaan untuk melestarikan pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan.

Beliau berkata, pelbagai konsep pembangunan diutarakan secara bersasar menerusi pelan projek berkenaan dan ia cukup terancang serta holistik dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Katanya, ia termasuk Wilayah Pintar (Smart Country), Kawasan Perindustrian Berteknologi Tinggi (High Tech Industrial Park), Lembah Kenderaan Tanpa Pemandu (Unmanned Vehicle Valley) dan Lembah Semikonduktor (NS Semiconductor Valley).

"Pembangunan Projek Katalis MVV 2.0 bertepatan dengan usaha kerajaan dalam melestarikan pertumbuhan ekonomi di Negeri Sembilan.

"Pelan induk pembangunan ekonomi yang memfokuskan kepada pembangunan di MVV 2.0 ini unik dan diyakini akan membantu memacu pertumbuhan ekonomi dan masa depan Negeri Sembilan," katanya ketika merasmikan Majlis Peluncuran Projek Katalis MVV 2.0 di Port Dickson, baru-baru ini.

Anwar berkata, mewujudkan Lembah Aeroangkasa NS untuk dijadikan sebagai pusat industri pembuatan kapal terbang yang lengkap termasuk memiliki

Pusat Pemasangan Kapal Terbang bakal melonjakkan penguasaan Malaysia di dalam industri ini yang kini hanya sekitar lima peratus.

"Justeru, usaha untuk membangunkan Port Dickson sebagai Hab Maritim di samping mengekalkan keindahan pantai sebagai pusat pelancongan bakal memberi impak besar kepada ekonomi negara dan Negeri Sembilan," katanya.

Perdana Menteri berkata, industri penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih perkapalan, pembekalan bahan api, air dan makanan serta industri bina kapal dan pelbagai lagi wajar dilaksanakan untuk kita memanfaatkan kedudukan negara ini di laluan perkapalan yang sibuk di Selat Melaka.

Beliau berkeyakinan menerusi perancangan dan usaha berkenaan akan menjadikan Seremban dan Port Dickson setanding, malah tidak mustahil menjadi lebih baik berbanding dengan bandar-bandar utama lain.

"Untuk suku keempat 2022, kawasan seluas anggaran 1,300 hektar tanah telah dimeterai di dalam kawasan MVV 2.0.

"Saya mengharapkan projek pembangunan NS Smart Park seluas 430 hektar, NS Semiconductor Valley (300 hektar) dan kawasan perumahan (440 hektar) di dalam Smart Country dapat dimulakan dalam tempoh terdekat," katanya.

Anwar berkata, kerajaan Persekutuan sentiasa memberi sokongan dalam usaha mempertingkatkan ekonomi di Negeri Sembilan.

Malah katanya, Kementerian Pengangkutan; Kementerian Kerja Raya; Kementerian Air dan Sumber Asli serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga akan meneliti inisiatif pelaburan yang dikemukakan kerajaan Negeri Sembilan.

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan ingin memastikan industri berimpak tinggi yang menggunakan teknologi dan kaedah proses automasi memasuki ke negara ini.

Katanya, industri seperti ini akan memerlukan pekerja yang berilmu dan berkemahiran. Justeru, menerusi usaha ini, secara tidak langsung akan memastikan pekerja mendapat hasil upah lebih luma-



Aminuddin (kanan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Zafir Ibrahim ketika Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Sembilan 2023.

yan sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya.

Pelaburan berganda

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pimpinan kerajaan negeri berusaha untuk memanfaatkan sepenuhnya kedudukan Negeri Sembilan dengan hubungan udara, darat dan laut yang cukup strategik dalam memakmurkan negeri ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, berkata untuk merancang lagi pembangunan ekonomi, pimpinan kerajaan negeri telah memperkenalkan dasar pelaburan berganda dan dasar tinggal di Negeri Sembilan, bekerja di Negeri Sembilan dan gaya hidup di Negeri Sembilan.

Menurutnya, MVV 2.0 telah dirumus semula dalam usaha untuk merancang ekonomi negara yang membabitkan kawasan pembangunan seluas hampir 16,000 hektar dalam rangka pembangunan sehingga 2045.

"Hasrat kerajaan negeri adalah untuk menjadikan negeri ini sebahagian daripada "Greater Kuala Lumpur" dengan memfokuskan pembangunan secara bersasar dan pada ketika ini, ia merangkumi enam parcel pembangunan MVV 2.0.

"Kesemua usaha ini adalah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang makmur, inklusif dan mampan menjelang tahun

2045," katanya.

Aminuddin menambah, nilai pelaburan ke Negeri Sembilan menunjukkan perkembangan positif dan

meningkat dengan ketara dengan mencatatkan RM8.9 bilion pada 2022, berbanding RM5.76 bilion pada 2021.

Beliau berkata, menerusi kemasukan nilai pelaburan tinggi, kerajaan negeri dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan selain peluang perniagaan sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat negeri ini.

"Kerajaan negeri yakin, jika segala perancangan pembangunan MVV 2.0 ini dapat berjalan dengan lancar, ia pasti akan memberi impak besar kepada ekonomi negara dan negeri ini khususnya rakyat.

"Kita menyasarkan projek MVV 2.0 mampu menyumbang sebanyak 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang 2045," katanya.

Aminuddin juga berharap Kerajaan Persekutuan dapat membantu memastikan pelaksanaan pembangunan MVV 2.0 berjalan lancar dan mencapai matlamatnya bagi merealisasikan Negeri Sembilan menuju negeri maju menjelang 2045.

#NegeriSembilan

MALAYSIA MADANI

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN

YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus